

Headline	Hampir satu pertiga spesies pokok hutan di Semenanjung diancam kepupusan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	1,6	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	510 cm ²
Journalist	Zanariah Abd Mutalib	AdValue	RM 16,887
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,661



Meranti daripada keluarga *Dipterocarpaceae* antara pokok di Semenanjung yang diancam kepupusan. (Foto ihsan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia)

Hampir satu pertiga spesies pokok hutan di Semenanjung diancam kepupusan

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hampir satu pertiga daripada taburan pokok hutan di Semenanjung diancam kepupusan dan berisiko menjejaskan ekosistem negara.

Keadaan ini jika tidak dikawal akan menggugat fungsi hutan sebagai kawasan tadahan air dan penebat banjir, sekali gus mening-

katkan risiko bencana alam, selain menjejaskan sumber makanan dan tempat tinggal haiwan dan organisma lain.

Ia juga akan menjejaskan stok dirian hutan untuk usahasil (kawasan hutan yang diberi kebenaran bagi aktiviti pembalakan) untuk penebangan sehingga 30 tahun ke 55 tahun.

Nasional 6

Headline	Hampir satu pertiga spesies pokok hutan di Semenanjung diancam kepupusan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	1,6	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	510 cm ²
Journalist	Zanariah Abd Mutalib	AdValue	RM 16,887
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,661

Senarai Merah Malaysia nilai risiko kepupusan

Dari Muka 1

Usaha pemuliharaan juga akan mengambil masa lebih 20 tahun, untuk pokok ini mencapai usia matang dan berfungsi memelihara ekosistem, jika ditanam semula.

Pakar perhutanan berpendapat, aktiviti pembalakan, pembukaan tanah untuk pertanian dan ladang, penempatan serta industri serta kemerosotan kualiti habitat adalah antara punca yang mengancam spesies pokok di negara ini.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Ismail Parlan, berkata 207 daripada 712 taksa pokok di Semenanjung berisiko pupus, dengan 59 daripadanya adalah endemik iaitu hanya boleh dijumpai di Semenanjung.

Katanya, pokok yang paling terancam adalah daripada keluarga Dipterocarpaceae, membabitkan 91 taksa, contohnya jenis meranti dan merawan.

"Daripada keluarga Dipteroca-

rpacae ini, 17 taksa berada dalam kategori Sangat Terancam (CR), 37 taksa Terancam (EN) dan 37 taksa lagi, Mudah Terancam (VU)," katanya merujuk kepada penilaian *Senarai Merah Malaysia: Tumbuhan Semenanjung Malaysia Jilid 1 (2021)*.

Senarai Merah Malaysia adalah penilaian risiko kepupusan sesuatu spesies di Malaysia, yang memfokuskan kepada status populasi dan ancaman yang dihadapi.

Di bawah *Senarai Merah Malaysia: Tumbuhan Semenanjung Malaysia*, taksa pokok dikategorikan sebagai CR, EN dan VU. Sehingga kini, hanya satu spesies pokok di Malaysia yang disenaraikan sebagai Pupus (EX) iaitu *Mangifera rubropetala (Anacardiaceae)*.

Baru-baru ini, sebuah agensi berita antarabangsa melaporkan, hampir satu pertiga daripada spesies pokok di dunia berdepan ancaman kepupusan, berdasarkan laporan utama yang diterbitkan *Botanic Gardens Conser-*



Antara spesies pokok hutan yang terancam.

(Foto ihsan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia)

vation International (BGCI). Mengikut laporan *State of the World's Trees*, sebanyak 17,500 spesies pokok iaitu kira-kira 30 peratus spesies berisiko untuk pupus, manakala 440 spesies hanya mempunyai kurang 50 pokok di hutan.

Malaysia dilaporkan adalah antara enam negara yang berdepan masalah ancaman kepupusan po-

kok hutan itu, selain Brazil, Indonesia, China, Colombia dan Venezuela.

Ismail berkata, faktor lain yang mengancam populasi pokok hutan adalah taburan populasinya yang kecil, yang terhad kepada habitat spesifik seperti kawasan paya gambut, paya air tawar dan batu kapur.

Katanya, perubahan iklim dan

faktor biologi seperti penurunan populasi ejen pembungaan yang menyebabkan pembentukan bilangan buah yang rendah juga menyumbang kepada peningkatan risiko kepupusan spesies pokok.

Ismail menjelaskan, kehilangan mana-mana spesies berkeungkinan menggugat keseimbangan dan kestabilan ekosistem dalam jangka masa panjang, yang berisiko menjejaskan fungsi hutan, contohnya sebagai kawasan tadahan air, penabit banjir dan sumber makanan serta tempat tinggal haiwan dan organisma lain.

Sementara itu, Profesor Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Hasmadi Ismail, berkata pokok yang terancam boleh ditanam semula, contohnya pokok hutan bagi keluarga Dipterocarpaceae, yang matang dalam tempoh lebih 20 tahun.